

## Proton e.MAS 5 Raikan Pencapaian 5,000 Unit dengan Promosi Raya yang Menarik

*EV No.1 Malaysia, Proton e.MAS 5, Mencapai Jualan Lebih 5,000 Unit dengan Tawaran Rebat RM500 Sempena Promosi Raya*

**Subang Jaya, 10 Mac 2026** - PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON, hari ini mengumumkan Promosi Raya istimewa untuk Proton e.MAS 5 susulan prestasi cemerlangnya sebagai kenderaan elektrik (EV) terlaris di Malaysia selama dua bulan berturut-turut pada tahun 2026.

Sehingga Februari 2026, jumlah angka pendaftaran Proton e.MAS 5 telah melepasi 5,000 unit jualan di seluruh negara, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai kenderaan elektrik (EV) No.1 di Malaysia. Permulaan tahun yang kukuh dengan sebanyak 3,068 unit berjaya diserahkan kepada pelanggan pada bulan Januari, dengan momentum berterusan pada bulan Februari apabila sebanyak 1,562 unit lagi diserahkan kepada pelanggan di seluruh negara, mencerminkan permintaan yang berterusan serta keyakinan pengguna yang semakin meningkat terhadap model ini.

Sebagai tanda penghargaan atas sokongan rakyat Malaysia terhadap Proton e.MAS 5, serta sempena sambutan Hari Raya yang bakal tiba, PRO-NET melanjutkan rebat Raya istimewa sebanyak RM500 bagi semua tempahan yang dibuat antara 31 Oktober 2025 hingga 23 Mac 2026.

Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, berkata: 'Sambutan luar biasa terhadap Proton e.MAS 5 melebihi jangkaan kami, membuktikan bahawa rakyat Malaysia bersedia menerima mobiliti elektrik apabila ditawarkan produk yang mampu milik, praktikal, dan berteknologi tinggi. Rebate Raya ini adalah cara kami dengan rendah diri mengucapkan 'Terima Kasih' kepada pelanggan atas kepercayaan mereka, sambil meneruskan misi kami mempercepatkan penerimaan EV di seluruh negara.'

### **Tempah Proton e.MAS 5 anda sebelum 23 Mac 2026 dan nikmati rebat Raya RM500!**

Rebat Raya RM500 bagi Proton e.MAS 5 adalah sah untuk semua tempahan yang dibuat sehingga 23 Mac 2026, sekali gus memberi lebih ramai rakyat Malaysia peluang untuk menyambut Hari Raya bersama EV No.1 negara.

### **Pelanggan layak untuk menerima rebat ini dengan syarat-syarat berikut:**

- Tempah Proton e.MAS 5 sebelum 23 Mac 2026 dan lengkapkan pendaftaran kenderaan selewat-lewatnya pada 30 September 2026.\*
- Pelanggan yang telah membuat tempahan dan mendaftarkan Proton e.MAS 5 mereka antara tarikh pelancaran rasmi pada 31 Oktober 2025 sehingga 23 Mac 2026 juga layak menerima rebat RM500 tersebut.\*

Untuk maklumat lanjut dan menebus rebat ini, pelanggan digalakkan untuk melawat dan bertanya di bilik pameran Proton e.MAS yang terdekat.

Selain insentif tersebut, semua pelanggan juga akan menikmati harga pelancaran khas yang dilanjutkan, bersama jaminan kenderaan selama enam tahun tanpa had perbatuan, serta jaminan lapan tahun atau 160,000 km bagi bateri bervoltan tinggi dan komponennya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

***Tertakluk pada terma dan syarat***

Promosi Rebat Raya RM500 ini tidak sah untuk pelanggan yang sebelum ini telah menikmati rebat tempahan *Early Bird*. Tertakluk kepada terma dan syarat.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-Tamat-

**Mengenai Proton e.MAS**

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional Malaysia dan jenama tenaga baharu, yang merupakan sub-jenama di bawah PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Dalam memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV serta membangunkan ekosistem jenama ini, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti yang lebih lestari dengan penekanan berterusan terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar kami yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif serta ekosistem yang menyeluruh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASIKAN HUBUNGAN dengan menyampaikan teknologi inovatif, kebolehpercayaan dan standard bertaraf antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan secara rasmi pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

**Issued by:**

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: [christopher@proton.com](mailto:christopher@proton.com)

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

**For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:**

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: [menuka.vejasegaran@h-advisors.global](mailto:menuka.vejasegaran@h-advisors.global)